

Penyakit reput pangkal batang jejas hasil sawit

Serangan kulat Ganoderma punca akar, batang pokok reput

Oleh Habsah Dinin
ecah@bharian.com.my

TIDAK semua pekebun dan pengusaha ladang sawit gem-bira dengan harga buah sawit yang tinggi apabila banyak pokok sawit mereka di kebun kurang mengeluarkan hasil berikutan serangan kulat Ganoderma yang berleluasa pada pokok sawit mereka.

Serangan kulat Ganoderma ini menyebabkan penyakit Reput Pangkal Batang (RPB) pokok sawit mengakibatkan pengurangan penge-luaran hasil yang akhirnya boleh menyebabkan kematian pokok.

Ketua Kumpulan Penyelidik Patologi Tumbuhan dan Sains Rum-pai, Bahagian Penyelidikan Biologi MPOB, Pegawai Penyelidik Prin-sipal, Dr Idris Abu Seman, berkata penyakit RPB yang disebabkan oleh kulat Ganoderma paling banyak menyerang pokok sawit di negara ini.

"Pada 2007, serangan kulat Ganoderma membabitkan kira-kira ti-ga peratus atau 120,000 hektar ka-wasan penanaman sawit yang mana serangannya menyebabkan kerugi-an kepada pekebun, industri sawit dan negara sebanyak RM400 juta setahun," katanya ketika ditemui di ibu pejabat MPOB Bandar Baru Bangi, baru-baru ini.

Sehingga September 2008, jumlah keluasan kawasan penanaman sawit di negara ini ialah 4.4 juta hek-tar.

Katanya, tiga jenis spesies kulat Ganoderma yang menyerang sawit ialah dari jenis *G.boninense*, *G.zo-natum*, *G.miniatocinctum* dan se-mentara spesies *G.tornatum* tidak menyebabkan penyakit RPB, ia ha-nya hidup pada pokok mati saja.

"Serangan bermula dari bahagi-an akar dan pangkal pokok yang membabitkan pokok muda seusia satu tahun selepas tanam dan ba-nya berlaku ke atas pokok ma-tang.

"Jika berlaku pada pokok sawit muda, bahagian akar dan batang menjadi reput, daun bertukar ke-kuningan dan mati dalam tempoh en-am bulan. Ia biasa berlaku ke-pada pokok muda yang ditanam menggantikan sawit atau kelapa yang ditebang dalam proses pena-naman semula sawit yang mana kulat Ganoderma yang menyerang ini berasal dari pokok sawit atau kelapa yang ditebang itu," kata-nya.

Dr Idris berkata, bagi pokok ma-tang pula simptom pada daun dan pelepas secara kasar hanya diketahui apabila pangkal pelepas daun sawit (petiole) patah manakala pu-cuknya tidak berkembang dan daunnya menjadi kuning menga-kibatkan pokok mati dalam tempoh 12 hingga 36 bulan.

Katanya, apabila kejadian pen-yakit berlaku lebih 30 peratus, pen-ge-luaran hasil buah tandan segar (BTS) berkurangan atau terjejas se-

banyak 26 peratus manakala buah sedia ada kurang berkualiti.

"Apabila serangan berlaku me-lebihi 60 peratus pengeluaran BTS pula terjejas sebanyak 45 peratus dan ini merugikan pekebun serta pengusaha sawit kerana pokok ti-dak boleh mengeluarkan hasil se-perti diharapkan," katanya.

Sebagai perbandingan, kulat Ga-noderma juga menyerang pokok sa-wit di Indonesia, Papua New Gui-nea, Kepulauan Soloman, negara di Afrika dan Amerika Selatan seperti di Zaire, Cameroon, Ghana, Han-duras dan Columbia.

Di Malaysia, serangan kulat Ga-noderma banyak berlaku di bahagian pantai barat terutama di Se-berang Prai, Sungai Kerian, Teluk Intan, Banting, Gemencheh, Segamat dan Pontian.

Serangan penyakit juga berlaku di Sabah seperti Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Kota Marudu dan Pitas dan Di Sarawak seperti Miri, Sibu dan Bintulu.

Cara kawalan

Teknik terbaik mengawal dan mencegah penyebaran penyakit RPB berikutan serangan kulat Ga-noderma diperkenalkan oleh MPOB, iaitu dengan cara melupus-kan pokok sakit yang diserang itu, di mana pokok ditolak dengan jen-tolak, tungkul dan akar dikorek 1.5 meter panjang kali 1.5 meter lebar



DR IDRIS menunjukkan batang pokok sawit yang reput, tumbang dan mati akibat dijangkiti kulat Ganoderma.

Dr Idris Abu Seman

- Umur: 45 tahun
- Jawatan: Ketua Kumpulan Penyelidik Kumpulan Patologi Tumbuhan dan Sains Rumpai, Jabatan Penyelidikan Biologi MPOB.
- Pendidikan: Diploma Pertanian UPM Sarawak 1984, Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, UPM Serdang 1987, PhD Wye College Universiti London UK 1999.
- Perkhidmatan di MPOB: Dari 1987 hingga kini.
- Bidang kajian: Berkaitan penyakit sawit pengkhususkan penyakit serangan kulat Ganoderma selama 21 tahun.





KEADAAN pokok sawit yang di serang kulat Ganoderma.